

KURIKULUM KURSUS PENGENALAN PERDAGANGAN DAN PERNIAGAAN DI MALAYSIA BAGI KUMPULAN SOKONGAN 1 GRED 17-26

1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan dan kefahaman mengenai proses dan unit statistik yang digunakan di dalam Penyiasatan dan Banci Ekonomi terutama tentang pengelasan sesebuah unit ekonomi. Ia juga menyentuh mengenai kitaran ekonomi yang perlu dilalui oleh sesebuah unit ekonomi yang dibanci atau terpilih di dalam penyiasatan yang dijalankan oleh jabatan.

2. OBJEKTIF KURSUS

- i. Memperkenalkan kitaran penuh penubuhan sesebuah unit ekonomi
- ii. Menjelaskan konsep dan kaedah yang di ambil sebagai unit statistik bagi unit ekonomi yang dipilih.
- iii. Mendedahkan peserta kepada isu-isu berbangkit dan kaedah menanganinya.

3. TEMPOH/MASA

- i. Tempoh : Tiga hari
- ii. Masa : 8.00 pg hingga 5.00 ptg

4. KUMPULAN SASARAN

Pegawai Gred 17-26.

5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)

- i. Kuliah;
- ii. Latih amal;
- iii. Penilaian yang dijalankan dalam bentuk ujian bertulis dan soalan lisan.